

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]**

**SOALAN NO. 171**

**PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini individu yang telah menjalani saringan kesihatan dibawah Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40). Apakah langkah Kementerian bagi memudahkan lagi saringan kesihatan supaya lebih ramai orang boleh menikmati manfaat skim ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 telah dilaksanakan di seluruh negara sebagai projek perintis bermula 15 April 2019. Skim ini memberi fokus kepada saringan kesihatan bagi penyakit tidak berjangkit. Empat pakej manfaat yang ditawarkan adalah

- 1) Saringan Kesihatan;
- 2) Bantuan Alat Perubatan;
- 3) Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser; dan
- 4) Insentif Tambang Pengangkutan.

Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang berumur 50 tahun ke atas dan pasangannya yang berdaftar adalah layak secara automatik menyertai skim ini.

Sehingga 24 September 2019, jumlah terkini individu yang telah menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40 adalah seramai 88,844 orang. Selain itu, sehingga 1 September 2019, seramai 655 orang menerima manfaat 2, seramai 229 orang telah menerima manfaat 3 dan seramai 703 orang telah menerima manfaat 4.

Di antara langkah-langkah untuk memudahkan lagi akses kepada saringan kesihatan supaya lebih ramai orang boleh menikmati manfaat PeKa B40 ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah berusaha meningkatkan jumlah penglibatan klinik perubatan swasta yang berdaftar sebagai Klinik PeKa B40 dari 680 buah pada 16 April 2019 kepada 1,430 buah pada 24 September 2019.

Selain itu, KKM juga telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan saringan kesihatan secara *outreach* (dengan izin). Aktiviti ini melibatkan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan yang berkait rapat dengan kumpulan B40 seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung.

Di samping itu, KKM kini sedang giat mempertingkatkan aktiviti promosi dan publisiti PeKa B40 sama ada melalui media cetak elektronik, media sosial dan komunikasi bersemuka. Sehubungan itu, KKM menyeru dan menggalakkan agar semua Ahli Parlimen turut membantu dalam mempromosikan PeKa B40 di kawasan masing-masing bagi meningkatkan saringan kesihatan PeKa B40.

Sekian, terima kasih.